

# KOTA BHARU

## Fenomena El-Nino

**O**rang ramai diminta mendapatkan maklumat secukupnya untuk menghadapi fenomena El-Nino dijangka bermula sebaik berakhir musim tengkujuh ini supaya mereka lebih bersedia menangani keadaan cuaca ekstem itu.

Bercakap selepas merasmikan Kursus Perniagaan Bersesuaian peringkat Kelantan di sini, semalam, Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sazmi Miah, berkata tanpa maklumat secukupnya, pihaknya khawtir orang ramai tidak mampu menangani fenomena itu yang bakal menjejaskan kehidupan mereka.

"Kita wajar bersiap sedia menghadapi cuaca ekstrem yang berlaku di negara kita ketika ini, baik banjir atau kemarau," katanya